
SIARAN MEDIA

PENGAWAL SELIA SEKTOR MENYOKONG JAWATANKUASA KHAS PERSAINGAN

KUALA LUMPUR, 1 OKTOBER 2019 - Jawatankuasa Khas Persaingan ("Jawatankuasa") yang dipengerusikan oleh Suruhanjaya Persaingan Malaysia ("MyCC") telah mengadakan mesyuarat ke-9 pada 27 September 2019 lalu. Bagi mesyuarat ini, enam (6) ahli jawatankuasa yang terdiri daripada Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM), Suruhanjaya Tenaga (ST), Bank Negara Malaysia (BNM), Suruhanjaya Sekuriti (SC), Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (MAVCOM) dan Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) telah menghadiri mesyuarat tersebut.

Wakil-wakil pengawal selia ini menghadiri mesyuarat tersebut bagi membincangkan isu-isu mengenai persaingan antara bidang kuasa dan menangani aduan berkaitan persaingan yang melibatkan pengawal selia lain. Ini bersesuaian dengan perkembangan undang-undang dan dasar persaingan yang konsisten.

Isu utama yang dibincangkan semasa mesyuarat adalah peruntukan mengenai penggabungan dan pengambilalihan (M&A) yang menjadi fokus utama MyCC dalam rancangannya untuk meminda Akta-akta berkenaan. SKMM dan MAVCOM berpendapat bahawa sebarang undang-undang atau garis panduan mengenai M&A yang akan diperkenalkan oleh MyCC kelak perlu mempunyai persamaan antara satu sama lain bagi mencapai konsistensi dalam pelaksanaan dasar M&A.

Jawatankuasa ini diberi taklimat mengenai dapatan utama dan syor MyCC berkaitan Kajian Semula Pasaran Sektor Makanan yang telah dilancarkan baru-baru ini. Selain itu, ahli-ahli turut berkongsi perkembangan terkini mengenai undang-undang masing-masing khususnya MyIPO berkenaan Protokol Madrid iaitu sistem pendaftaran cap dagangan antarabangsa melalui sistem pemfailan tunggal yang akan memberi manfaat kepada pemilik jenama tempatan serta menarik pelaburan asing.

"Mesyuarat ini berfungsi sebagai platform untuk berkongsi maklumat terkini, pembangunan penyeliaan dan isu yang berkaitan dengan persaingan. MyCC berharap dengan adanya platform untuk perbincangan, akan ada peningkatan kerjasama antara pengawal selia sektor untuk memastikan pengguna dilindungi dan seterusnya menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara yang pesat," kata Pengerusi MyCC, Dato' Seri Mohd Hishamudin Md Yunus.

--tamat--

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

Noor Khalijah Mazlan, Tel +603 2273 2277 (ext 702),

Email: khalijah@mycc.gov.my

Bahagian Komunikasi dan Advokasi

Suruhanjaya Persaingan Malaysia

Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC)

Ditubuhkan pada Jun 2011, MyCC ialah satu badan bebas bertanggungjawab untuk menguatkuasakan Akta Persaingan 2010, yang dilaksanakan untuk menggalakkan persaingan sihat yang seterusnya akan merangsang produktiviti dan inovasi, lantas mewujudkan pilihan produk atau servis yang lebih banyak kepada pengguna dan kualiti yang lebih baik pada harga yang berpatutan.

Akta ini digunapakai kepada semua aktiviti komersil yang ditanggung didalam dan diluar Malaysia yang boleh menjejaskan persaingan di pasaran Malaysia. Ia memberikan satu rangka kerja kawal termasuk kuasa menyiasat, menghakimi dan mengenakan penalti-penalti kepada pesalah undang-undang persaingan.

Untuk maklumat lanjut tentang Akta dan MyCC, sila rujuk laman web www.mycc.gov.my.